Minggu 1.
(3) Tema : Memahami Dialog. (Budaya)
Tajuk : Pesta Menuai.

Baca dialog di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jonet :Bapak, ini sahabat saya, Rosli. Dia datang dari Semenanjung.
Rosli :Apa khabar, pak cik? Saya gembira dapat bertemu dengan pak cik.
Pak Atem :Khabar baik, nak!
Jonet :Pak, Rosli ingin tahu tentang Pesta Menuai. Boleh bapak ceritakan kepadanya?
Pak Atem :Boleh. Pesta Menuai ialah satu perayaan yang ***diraikan*** pada bulan Mei setiap tahun sebagai memuja semangat padi. Sejak tahun 1960, penduduk negeri Sabah diberi cuti umum pada hari perayaan tersebut.
Rosli :Bagaimana perayaan ini dijalankan, pak cik?
Pak Atem :Mula-mula diadakan upacara yang ada kaitannya dengan kepercayaan orang-orang Kadazan atau Dusun. Kemudian, mereka dijamu minuman tapai dan diajak menari tarian Sumazau. Kedua-dua ini merupakan acara tradisi pesta ini.
Rosli :Apakah acara kemuncak pesta ini, pak cik?
Pak Atem :Acara kemuncaknya ialah pertandingan memalu gong dan minum tapai.
Rosli :Wah, hebat juga pesta ini dirayakan! Orang Kadazan atau Dusun sajakah yang merayakan pesta ini?
Pak Atem :Tidak, Rosli. Sekarang Pesta Menuai ini dirayakan secara besar-besaran di kebanyakan daerah di Sabah. Pesta ini sebenarnya pesta kaum tani. Sabah memang banyak golongan petani.
Jonet :Acara-acara lain ada juga dijalankan, misalnya sukan darat dan sukan laut, pertandingan bayi sihat, pameran hasil-hasil pertanian, kraf tangan, dan pertunjukan kebudayaan.
Rosli :Oh, begitu!
Pak Atem :Pesta Menuai ini bukan sahaja untuk bergembira, Rosli, tetapi untuk memupuk rasa muhibah dan semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.
Rosli :Betul kata pak cik tu. Saya pun tidak begitu tahu tentang pesta ini.

1. Mengapakah pesta ini dirayakan pada bulan Mei setiap tahun? Kerana padi mereka telah masak pada bulan ini*

2. Apakah acara yang dijalankan turun-temurun dalam Pesta Menuai? Upacara minum tapai dan menari tarian Sumazau.*

3. Apakah tujuan utama Pesta Menuai diadakan ? Memuja semangat padi.*

4. Bagaimanakah Rosli mendapatkan maklumat tentang Pesta Menuai? Dengan bertanya kepada Pak Atem*

5. Apakah makna perkataan ***diraikan*** dalam petikan di atas? Dirayakan*

Minggu 2.
(1) Tema : Memahami Rencana. (Keselamatan.)
Tajuk : Jenayah Kanak-kanak.

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Sejak kebelakangan ini, kejadian jenayah membabitkan kanak-kanak bawah umur semakin kerap berlaku dan telah membimbangkan banyak pihak. Antara kejadian yang sering dipaparkan menerusi media cetak dan eletronik ialah jenayah rogol dan bunuh. Walau pun penjenayah bakal menerima hukuman berat, namun kejadian itu terus berlaku.

Kanak-kanak di bawah usia 12 tahun mudah menjadi mangsa penjenayah disebabkan untuk bersiar-siar, atau menawarkan makanan dan minuman. Kita perlu berwaspada terhadap orang yang tidak dikenali. Jangan sesekali menerima pelawaan mereka. Kanak-kanak hendaklah melalui jalan yang sibuk dan banyak terdapat orang. Elakkan daripada melalui jalan yang sunyi dan berhampiran dengan semak samun atau hutan. Sekiranya menaiki penganguktan awam seperti bas, pastikan ada penumpang lain di dalamnya. Sebaik-baiknya berteman apabila keluar dari rumah sama ada pada waktu siang atau malam.

Jenayah boleh berlaku di mana-mana tanpa mengira masa. Kita dapat menghindari kejadian rogol daripada berlaku dengan mengambil langkah awal. Kita digalakkan melengkapkan diri dengan seni mempertahankan diri. Sepatutnya semua pihak membuka mata, mengambil berat, dan memberi perhatian yang serius terutamanya yang membabitkan keselamatan kanak-kanak. Hal ini demikian kerana kanak-kanak yang menjadi mangsa rogol bukan sahaja akan hidup dalam ketakutan dan kebimbangan, malanan menghadapi masa depan yang gelap.

1. Mengapakah kes jenayah rogol dan bunuh semakin membimbangkan banyak pihak ? Kerana kejadian tersebut terus berlaku.
2. Mengapakah kanak-kanak selalu menjadi mangsa jenayah rogol? Kerana mereka mudah diperdaya.
3. Bagaimanakah cara-cara menghindarkan diri daripada kes jenayah rogol? Berteman jika hendak ke sesuatu tempat dan selalu berada di kawasan yang ramai orang.
4. Apakah makna kata ***dipaparkan*** dalam petikan ?
5. Apakah yang patut kamu lakukan jika ternampak akan suatu kes jenayah yang sedang berlaku ? Segera melaporkan perkara tersebut kepada pihak polis.

Minggu 3.
(3) Tema : Mencari Isi Penting. (Sejarah)
Tajuk : Sejarah awal Sabah.

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Sabah salah satu negeri dalam Malaysia, terletak di Malaysia timur. Ia juga dikenali negeri di bawah bayu. Sabah yang dikenali sebagai Borneo Utara di bawah penjajah British, diperintah oleh Kesultanan Berunai di pantai barat dan Kesultanan Sulu di pantai timur. Kedua-dua wilayah kesultanan ini jatuh di tangan penjajah British selepas campur tangannya dalam politik tempatan untuk melindungi perniagaannya di rantau ini.

Sabah di awal kewujudannya terbahagi kepada tiga wilayah kekuasaannya. Di bahagaian pendalaman dikuasai oleh pemimpin-pemimpin tempatan. British yang datang ke Sabah semata-mata untuk berdagang, mula campur tangan dalam politik apabila kepentingannya terganggu oleh pergaduhan di kalangan pemimpin tempatan dengan wakil-wakil sultan.

Kesultanan Berunai yang menguasai pantai barat, tidak dapat mengawal pegawai-pegawainya yang selalau menindas pemimpin-pemimpin tempatan telah memberi peluang kepada British campur tangan. Penentangan pemimpin-pemimpin tempatan kepada pemerintahan Sultan Berunai kerana mereka tidak puas hati dengan wakil sultan yang suka menindas.

Kekacauan yang selalu menimbulkan peperangan, menganggu perniagaan British. Di samping itu, kuasa-kuasa tempatan ini sering mencabar perniagaan British kerana masalah pungutan cukai. Dalam masa yang sama, British juga tidak mahu dikawal dan dikuasai oleh kedua-dua kesultanan ini yang menurut pandangan mereka tidak mempunyai sistem perundangan yang sempurna untuk semua masyarakat.

Campur tangan British melalui perjanjian-perjanjian di kalangan pemimpin-pemimpin tempatan, dan akhirnya menguasai seluruh Borneo Utara ketika itu. Mat Salleh, seorang keturunan Kesultanan Sulu bangun menentang penjajah British tetapi akhirnya tewas selepas ia terbunuh pada tahun 1900 dalam satu peperangan di Tambunan. Ia dimakamkan di kampung Tibabar Tambunan.

Sabah mencapai kemerdekaannya melalui Malaysia pada 16 September 1963 apabila kerjaan British menyerahkan Sabah kepada Persekutuan Malaysia ketika itu yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj. Ketua Menteri Sabah yang pertama ialah Datuk Donald Stephent dan Tun Datuk Mustapa Dato Harun sebagai Yang Di Pertua Negeri.

1. Siapakah kerajaan awal yang menguasai pantai timur Sabah? (Kesultanan Sulu)
2. Apakah nama awal negeri Sabah ? (Borneo Utara)
3. Siapakah bapa kemerdekaan negari Sabah ? (Tun Datuk Mustapa Dato Harun)
4. Apakah tujuan Bristsh campurtanga dalam politik tempatan ? (menguasai Sabah)
5. Mengapakah Mat Salleh menentang penjajah British? (British menjajah)

Minggu 4
Tema : Memahami Cerita Pendek. (Persekitaran Murid)
(2) Tajuk : Aki Tam

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Syuhada membiarkan angin petang menuiup tudung biru yang dipakainya. Hatinya berasa tenang apabila duduk di atas bangku menghadap sawah padi yang berwarna keemasan. Matanya membuang pandang ke arah sebuah rumah beratap zink yang hampir menyaembah bumi di hujung sawah itu. Ketika itu, hati Syuhada diserbu rasa pilu yang mendalam.

Dahulu semasa zaman kanak-kanaknya, di rumah papan itulah dia berempat beradik mengaji Al-Quran dengan Aki Tam. Aki Tam yang merupakan adik kepada arwah datuknya mengajar Syuhada mengenal alif-ba-ta hingga khatam Al-Quran sebanyak dua kali.

Wajah garang Aki Tam bermain di kelopak matanya. Rotan sentiasa berada di sisinya setiap kali Syuhada dan anak-anak murid Aki Tam mengaji. Jikalau tersilap, pasti telapak comel Syuhada akan menjadi mangsa. Pada ketika itu, Syuhada amat benci akan Aki Tam. Perasaan marah, sakit hati dan menyampah berbaur.

"Ada, bila balik?" sapa Siti lalu mengejutkan lamunan Syuhada. "Siti, rupanya. Buat Ada terkejut aje. Ada baru balik tengah hari tadi." Jawab Syuhada. "Apa yang kamu menungkan, Ada? Jauh benar kamu mengelamun?" Tanya Siti yang sudah arif tentang kawan baiknya itu.

"Ada teringatkan Aki Tam. Kepada Aki Tam, Ada ingin mengucapkan sekalung penghargaan kerana mengajar Ada supaya menghargai ilmu pengetahuan. Kalau tidak kerana rasa kesumat yang bersarang di hati, Ada tidak akan berjaya seperti hari ini," begitu berhati-hati Syuhada menuturkan kata-katanya.

"Aku juga rindu akan Aki Tam. Ada, cuba kamu lihat pokok jambu air yang berbuah lebat di tepi perigi," ujar Siti sambil tangannya menunjukkan ke arah pokok jambu air tersebut.

"Ada ingat lagi, selepas mengaji Aki Tam akan menyuruh kita memetik buah jambu air yang sudah masak. Kita akan makan jambu sambil berlari pulang dengan hati yang riang," kata Syuhada. "Sudahlah, Ada. Nampaknya hari sudah petang. Mari kita balik. Esok kita pergi menziarahi pusara Aki Tam. Kita sedekahkan Farihah buatnya." Ujar Siti lalu bangkit dari bangku kayu. itu. Syuhada hanya menurut kata-kata Siti. Dari kejauhan , Syuhada melihat matahari sedang berlabuh di sebalik Gunug Padang Kerbau.

Jawab semua soalan berikut.

1. Mengapa Syuhada berasa terharu bila melihat rumah papan beratap zink itu? Mengingatkan Aki Tam yang telah meninggal.
2. Siapakah yang mengajar Syuhada dan adiknya mengaji Al-Quraan? Datuk saudaranya.
3. Ke manakah Syuhada dan Siti pergi pada keesokan harinya? Menziarahi kubur Aki Tam.
4. Mengapakah Syuhada dirotan oleh Aki Tam ? Supaya tidak melakukan kesilapan semasa mengaji Quraan.
5. Siapakah Siti? Cuku Aki Tam.

Minggu 5.
Tema : Memahami laporan (Aktiviti Semasa)
(3) Tajuk : Perkhemahan Pengakap.

Baca laporan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan berikutnya.

LAPORAN PERKHEMAHAN PENGAKAP.

Persatuan Pengakap Sekolah Kebangsaan Lubang Buaya, telah menyertai satu perkhemahan pengakap di Sekolah Kebangsaan Tongod SWandakan. Perkhemahan ini dianjurkan oleh Pengakap daerah Sandakan dengan kerjasama Persatuan Pencinta, Alam. Perkhemahan ini diadakan selama empat hari mulai 20 April 2002. Tujuan perkhemahan ini diadakan adalah untuk mendedahkan murid-murid kepada suasana perkhemahan yang sebenarnya. Di samping itu, perkhemahan ini diharapkan dapat membentuk murid-murid yang lebih cekal dan tabah.

Persatuan yang diketuai oleh Cikgu Ahmad dan tiga orang guru penasihat bertolak ke Sandakan bersama-sama 30 orang murid pada padi 20 April. Kami ditempatkan di beberapa buah khemah mengikut kumpulan yang ditetapkan. Sebenarnya ada tujuh buah sekolah lain turut berkhemah. Mereka juga menghantar sebanyak 30 orang ahli pengakap dan diiringi oleh guru-guru penasihat. Pada sebelah malamnya, kami diberi taklimat oleh penagerusi tentang aktiviti perkhemahan.

Pada hari kedua perkhemahan, sesi memperkenalkan sekolah telah diadakan. Sebelah tengah hari diadakan perundingan memasak nasi dalam buluh, khemah yang terbersih, membuat kraf tangan, dan kawad kaki. Persaingan dalam pertandingan ini nampak sengit. Setiap kumpulan mencuba sedaya upaya untuk menunjukkan kebolehan mereka.

Acara kemuncak ialah pertandingan kebudayaan dan nyanyian di sekeliling unggun api oleh semua peserta pada sebelah malamnya. Dalam pertandingan ini, sekolah kami telah membolot dua hadiah. Ahli-ahli pengakap berasa sungguh bangga dengan kemenangan ini.

Perasmian penutupan perkhemahan dilakukan oleh Pegawai Pendidikan DaeraH Sandakan. Pegawai Pendidikan juga menyampaikan hadiah kepada kumpulan yang memenangi setiap pertandingan. Sekolah Kebangsaan Bukit Garam turut memenangi tempat pertama dalam pertandingan khemah terbersih dan kawad kaki. Aktiviti ini telah memberikan manafaat kepada kami.

Disediakan oleh, 25hb. April 2005.

(Mohd Ramzan Aliboto)
Setiausaha,
Pengakap SK. Lubang Buaya.
Sandakan.

1. Berapakah jumlah ahli pengakap yang berkhemah ? 240 orang ahli.
2. Siapakah yang menganjurkan perkhemahan ini? Pengakap daerah dan Pencinta Alam Sandakan.
3. Bilakah perasmian penutup perkhemahan pengakap diadakan? 23 April 2002.
4. Apakah objektif perkhemahan ? Mendedahkan suasana perkhemahan dan membentuk peribadi murid.
5. Apakah anugerah yang dimenangi oleh Sekolah Kebangsaan Bukit garam ? Kebersihan dan kawad kaki.

Minggu 6.
Tema : Memahami Jadual (Kebersihan)
(1) Tajuk : Kegiatan semasa.

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

SEKOLAH KEBANGSAAN ULU KINTA
KEPUTUSAN PERTANDINGAN KEBERSIHAN DAN KECERIAAN KELAS

Bulan Jun 2004.

Minggu	Lantai	Paparan	Susun Atur	Tingkap	Terbaik Keseluruhan
Pertama	4 Cerdik	5 Bestari	2 Pintar	1 Bestari	5 Bestari
Kedua	3 Cerdik	5 Bestari	6 Bijak	2 cerdik	3 Cerdik
Ketiga	2 Bijak	5 Bestari	2 Pintar	6 Bestari	5 Bestari
Keempat	1 Bestari	5 Bestari	4 Bijak	6 Cerdik	4 Bijak

Bulan Julai 2004.

Minggu	Lantai	Paparan	Susun Atur	Tingkap	Terbaik Keseluruhan
Pertama	4 Cerdik	5 Bestari	2 Pintar	1 Bestari	5 Bestari
Kedua	1 Cerdik	6 Bijak	4 Bijak	1 Bestari	4 Bijak
Ketiga	4 Bestari	5 Bestari	6 Pintar	2 cerdik	5 Bestari
Keempat	3 Bijak	6 Bijak	5 Bestari	6 cerdik	3 Bijak

KELAS TIDAK MEMUASKAN

MINGGU	LANTAI
Pertama	2 Bestari
Kedua	3 Bijak
Ketiga	6 Pintar
Keempat	5 Bijak

MINGGU	KELAS
Pertama	3 Pintar
Kedua	2 Bestari
Ketiga	2 Bestari
Keempat	1 Pintar

1. Apakah Kelas yang menunjukkan keputusan paling baik kedua-dua bulan tersebut? 5 Bestari.

2. Mengapakah ada sesetengah kelas tidak tersenarai dalam jadual tersebut? Kerana kelas tersebut menunjukkan prestasi yang sederhana.*

3. Apakah kelas yang tidak memuaskan bagi bulan Julai ? Tahap Dua.

4. Apakah nilai yang dapat diterap berdasarkan pertandingan tersebut? Kerjasama.

5. Apakah tujuan pertandingan tersebut diadakan ? Melatih murid-murid mengurus kelas masing-masing.

Minggu 7.
Tema : Membuat Kesimpulan (Kesihatan)
(1) Tajuk : Keracunan Makanan.

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Kes keracunan makanan selalu dilaporkan di dada akhbar dan media elektronik. Bukan setakat mengalami keracunan, malah ada juga yang menyebabkan kematian. Sebanyak lima kes keracunan makanan berlaku dalam bulan Januari hingga Oktober 2003 yang membabitkan 144 orang termasuk satu kematian. Daripada jumlah tersebut, 119 orang mangsa terdiri daripada pelajar sekolah.

Sebenarnya banyak antara kita yang mengalami keracunan makanan sekurang-kurangnga sekali dalam setahun, tetapi tidak banyak yang menyedarinya. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga menganggap hal ini sebagai masalah sejagat. Walhal keadaan ini dapat dielakkan jika kita berwaspada dan menjadikan kebersihan sebagai suatu amalan.

Keracunan makanan boleh disebabkan oleh kuman atau mikroorganisma, racun atau toksin, dan bahan kimia. Keadaan persekitaran yang panas, lembab, dan kotor menggalakkan kuman tersebut hidup dan membiak. Kuman atau bakteria terbabit dapat menyebabkan penyakit seperti taun, kepialu, dan hepititis. Penyakit ini juga dapat berjangkit melalui makanan sekiranya tukang masak itu mengidap penyakit tersebut.

Kebiasaannya, keracunan makanan berlaku dalam tempoh 48 jam setelah mereka makan makanan yang tercemar. Tanda keracunan makanan termmasuk rasa mual, muntah-muntah, cirit-birit, pening kepala dan gangguan pada perut. Walau bagaimanapun, tanda khusus keracunan makanan bergantung pada jenmis kuman dan penyakityang terlibat.

Keracunan makanan juga dapat disebabkan oleh buah dan sayuran yang dicemari oleh racun serangga yang mempunyai ***kepekatan*** yang tinggi. Untuk mengelakkan daripada kejadian yasng tidak diingini berlaku, pastikan makanan yang dendak dimakan dalam keadaan segar, sua amalan kebersihan dalam mernu harian dapat menjamin kesihatan.

1. Apakah masalah yang diperkatakan dalam petikan di atas ? Keracunan makanan.*

2. Apakah yang menyebabkan keracunan makanan ? Sikap tidak mementingkan kebersihan dan keselamatan makanan menyebabkan keracunan makanan berlaku.*

3. Apakah akibat keracunan makanan? Sebahagian besar kes keracunan makanan melibatkan kematian.*

4. Apakah maksud perkataan ***kepekatan*** dalam pewrenggan akhir dalam petikan? Kelikatan*

5. Apakah tindakan kamu jika kamu keracunan makanan? Segera mendapatkan rawatan di klinik atau hospital.*

Minggu 8.
Tema : Menyampaikan Syarahan (Kesihatan)
(2) Tajuk : Cara-cara Menjaga Kesihatan.

Baca syarahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan berikutnya.

Yang saya muliakan Pengerusi Majlis, Tuan Guru Besar, guru-guru, para hakim yang arif, dan rakan sekalain. Selamat sejahtera saya ucapkan.

Tajuk syarahan yang akan saya sampaikan pada pagi yang mulia ini ialah "Cara-cara Menjaga kesihatan Badan. "Kesihatan badan patut dijaga untuk mengelakkan serangan penyakit sama ada penyakit yang serius atau tidak.

Terdapat pelbagai cara yang boleh dilakukan untuk memastikan kesihatan badan kita terjamin. Salah satu daripadanya ialah dengan menjaga pemakanan harian kita. Kita hendaklah mengambil protein, karbohidrat, vitamin, dan kalsium yang di perlukan oleh badan kita. Elakkan daripada makan makanan ringan terutamanya kanak-kanak kerana makanan ini boleh menjejaskan kesihatan.

Hadirin yang saya hormati,
Kita perlu memastikan badan kita sentiasa bersih dengan mandi sekurang-kurangnya tiga kali sehari. Kita mestilah menggunakan air yang bersih dan bersabun. Kemudian, pakailah pakaian yang bersih.

Selain itu,persekitaran kita juga mestilah bersih.Gas nitrogen oksida yang dikeluarkan oleh kenderaan boleh mewujudkan gejala sesak nafas dan jerebu.Kita juga perlu berehat.salah satu cara merehatkan badan ialah tidur. Tidur yang cukup mengelakkan badan kita daripada keletihan dan mengantuk.

Berdasarkan keterangan saya tadi,jelaslah kepada kita tentang perlunya menjaga kesihatn badan.Oleh sebab itu, prinsip pencegahan adalah lebih baik daripada merawat, perlu kita tanamkan dalam diri masing-masing.
Sekian, terima kasih.

1. Siapakah yang menyampaikan syarahan di atas ? Seorang murid sekolah itu.

2. Apakah perkara terpenting yang mesti kita lakukan untuk menjamin kesihatan? Makanan makanan berzat.

3. Mengapakah kanak-kanak mudah terdorong untuk makan makanan ringan? Kerana pelbagai warna rasanya yang menarik perhatian mereka.

4. Apakah kepentingan tidur kepada kita? Menghilangkan keletihan.

5. Apakah kandungan makanan seimbang ? Makanan yang mengandungi zat yang diperlukan oleh badan kita.

Minggu 9.
Tema : Membuat Ramalan (Flora dan Fauna)
(2) Tajuk : Spesies Penyu.

Penyu telah pun wujud sejak zaman dinosar kira-kira 150 juta tahun yang lalu. Terdapat lebih kurang 30 spesies penyu laut. Walau bagaimanapun, kini hanya tinggal lapan spesies yang masih wujud, iaitu penyu belimbing, agar, karah, dan penyu lipas. Penyu belimbing merupakan penyu terbesar. Saiznya mampu ***menjangkau*** dua meter panjang dengan berat sehingga melebihi 500 kilogram.

Penyu mempunyai badan yang berbentuk agak tirus untuk memudahkannya berenang. Anggota hadapan penyui diseduaikan untuk menolak air ke tepi apabila berenang. Oleh yang demikian, penyu sukar berjalan di darat. Penyu juga banyak menelan air garam kerana penyu mempunyai kilang garam di bahagian mata yang dapat mengeluarkan garam dan air dari matanya. Keadaan ini menyebabkan penyu betina seolah-olah menangis ketika bertelut.

Jangka hayat penyu mampu mencapai hingga 70 tahun lamanya. Tiada perbezaan yang nyata antara penyu jantan dan penyu betina. Tetapi apabila matang, ekor penyu jantan lebih besar dan panjang. Persenyawaan penyu biasanya berlaku di persisiran pantai. Pada masa ini penyu betina akan berenang pulang ke tempat asalnya untuk bertelur.

Penyu bertelur sebanyak dua hingga enam kali semusim. Setiap kali bertelur, penyu betina mampu mengeluarkan telur hingga 100 biji. Walau bagaimanapun, penyu hanya akan bertelur semula selepas dua atau empat tahun kemudian. Tempat bertelur penyu digali sedalam kira-kira 45 sentimeter. Telur tersebut mestilah berada di dalam pasir yang panas selama 55 hari atau lebih sebelum menetas.

Kini, penyu mengalami kepupusan kerana dieksploitasi oleh manusia untuk mendapatkan telur, daging, dan kulitnya. Kesinambungan hidupnya juga terancam, ekoran beberapa faktor seperti aktiviti perikanan menggunakan pukat, pencemaran air laut, kekurangan tempat bertelur, serta aktiviti pelancongan.

1. Apakah yang membezakan penyu belimbing dengan penyu yang lain ?
   saiz.*

2. Apakah fungsi bentuk tirus pada seekor penyu? Untuk memudahkannya bergerak dalam air.*

3. Di manakah tempat yang menjadi pilihan seekor penyu untuk bertelur?
   Tempat yang kering dan
   berpasir.*
4. Apakah maksud perkataan ***menjangkau*** dalam petikan ? Mencapai*

5. Pada pendapat anda, mengapakah penyu perlu diberi perlindungan ? Supaya tidak pupus.

Minggu 10.
Tema : Memberi Pendapat (Kemasyarakatan)
(1) Tajuk : Rumah Panjang.

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Rumah panjang merupakan rumah kediaman suku kaum Iban di Sarawak. Mereka menghjuni rumah panjang sejak beratus-ratus tahun dahulu. Penghuni sesebuah rumah panjang terdiri daripada beberapa buah keluarga. Ketua rumah panjang ialah Tuai Rumah. Panjangnya sesebuah rumah pula bergantung kepada bilangan ahli keluarga yang menghuninya. Lazimnya panjang sesebuah rumah panjang di antara tiga puluh meter hingga empat puluh meter. Manakala jumlah biliknya ialah antara lima hingga tujuh puluh buah.

Pada masa kini ramai di antara mereka yang sudah tinggal di rumah biasa. Namun masih ada lagi yang meneruskan cara hidup tinggal di rumah panjang. Rumah panjang ini terbahagi kepada beberapa petak. Satu petak untuk sebuah keluarga. Di dalam petak mengandungi beberapa buah bilik termasuk bilik dapur, ruai, dan tanju. Tanju tidak beratap. Tanjau digunakan untuk menjemur hasil tanaman seperti padi, lada hitam, dan getah.

Ruai pula ialah tempat penghuni rumah panjang menghabiskan masa lapang mereka. Ruang ini merupakan tempat berlangsungnya upacara perkahwinan, kematian, dan upacara lain. Bilik besar yang dinamakan sadau terletak di atas bilik tidur dan ruai. Biasanya bilik ini dijadikan tempat untuk menyimpan barang keperluan penghuninya.

1. Siapakah yang tinggal di rumah panjang? Orang Iban.
2. Mengapakah bilik di rumah panjang tidak sama? Bergantung kepada bilangan penghuninya.
3. Di manakah padi yang dituai dijemur? Tanjau.
4. Apakah maksud perkataan upacara dalam petikan? Majlis.
5. Pada pendapat kamu, sesuaikah cara hidup tinggal di rumah panjang diamalkan? Sesuai tapi perlu dimodenkan.

Minggu 11.
Tema : Menyampaikan Hujah (Sosial)
(2) Tajuk : Tinggal di bandar lebih baik daripada tinggal di kampung.

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Yang saya muliakan, Tuan Pengerusi Majlis, panel hakim yang arif lagi bijaksana, barisan pencadang yang saya hormati, guru-guru, dan hadirin sekalian. Saya akan meneruskan perjuangan rakan saya untuk membangkang tajuk, "Tinggal di bandar lebih baik daripada tinggal di kampung".

Tentu hadirin sekalian bersetuju apabila saya menyatakan kedamaian adalah sesuatu yang amat bernilai kepada setiap individu. Suasana begini sudah pasti hanya dapat diperoleh di kampung.

Kita sedar bahawa bandar merupakan tempat bertumpunya kegiatan perniagaan dan pentadbiran. Hal ini bermakna bahawa masyarakat bandar lebih terdedah kepada bunyi bising kenderaan, jentera kilang, dan sebagainya. Keadaan ini boleh menjejaskan sistem pendengaran untuk tempoh jangka panjang. Selain itu, masalah pencemaran kerap berlaku. Masyarakat bandar sering terdedah kepada bahaya pencemaran asap kilang dan asap kenderaan.

Keadaan di kampung tidak seperti keadaannya empat puluh tahun lalu. Kini pelbagai kemudahan dapat dinikmati oleh penduduk kampung. Kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air, kemudahan komunikasi, dan pengangkutan awam semakin memuaskan.

Hadirin sekalian,

Kita sedia maklum bahawa pelbagai masalah sosial timbul khususnya di bandar. Hampir setiap hari kita disajikan dengan berita tentang masalah keruntuhan akhlak, penyalahgunaan dadah, vandalisme, dan gengsterisme di dada-dada akhbar. Perkara seumpama ini jarang-jarang berlaku di kampung.

Selain perkara tersebut, tinggal di kampung jauh lebih baik jika kos sara hidup diambil kira. Sememangnya harga kebanyakan barang-barang dan perkhidmatan di bandar jauh lebih tinggi berbanding dengan harga di kampong. Berdasarkan faktor ini, fikirkanlah kesannya kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Mudah-mudahan segala hujah yang saya sampaikan tadi dapat kita manafaatkan. Tepuk dada, tanyalah selera. Fikirkanlah kebenaran hujah-hujah saya tadi. Oleh sebab masa tidak mengizikan, saya berundur diri dahulu. Rakan saya yang ketiga akan meneruskan perjuangan dengan hujah-hujah yang tidak kurang bernasnya. Sekian, terima kasih.

Jawab semua soalan berikut.

1. Siapakah yang menyamaikan hujah di atas ? (pembangkang kedua)
2. Bagaimanakah keadaan di kampung sekitar tahun 60-an menurut fakta pembahas?
   (tidak dilengkapi dengan kemudahan asas)
3. Mengapakah pembahas mengatakan bahawa hidup di bandar membahayakan?
   (ancaman pencemaran alam)
4. Apakah perkara yang perlu diberi perhatian di kalangan muda-mudi di bandar?
   (gejala keruntuhan moral)
5. Apakah makna rangkai kata, "Tepuk dada tanyalah selera?"
   (fakir masak-masak sebelum membuat sesuatu pekerjaan)

Minggu 12.
Tema : Memahami Surat kiriman (Keluarga)
(3) Tajuk : Surat kepada kakak.
Baca petikan surat di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Asrama Putra,
Sekolah Kebangsaan Hamzah,
16400 Machang,
Kelantan.
15 Februari 2005.

Ke hadapan kakandaku Rina yang dikasihi, semoga berada dalam keadaan sihat dan sejahtera. Adinda di sini berada dalam keadaan walafiat.

Apa khabar kakanda di sana? Sudah tentunya kakanda sibuk dengan kuliah dan ulang kaji untuk menghadapi peperiksaan akhir yang akan tiba tidak lama lagi.

Sudah hamper dua bulan adinda berpindah ke asrama sekolah. Ayahanda dan bonda yang mencadangkan agar adinda menetap di asrama agar adinda dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pelajaran untuk menghadapi peperiksaan UPSR nanti. Namun begitu, ayahanda dan bonda akan menjenguk adinda dua minggu sekali.

Pada mulanya agak ***kekok*** untuk adinda menjalani hidup di asrama ini. Tetapi kini adinda telah dapat menyesuaikan diri. Kawan-kawan sentiasa membantu adinda dalam semua hal terutamanya dalam pelajaran sendiri. Semoga cita-cita adinda untuk menjejak kaki ke universiti tempatan tertua seperti kakanda akan tercapai.

Rasanya biarlah adinda berundur diri utuk seketika. Akhir kata, adinda sudahi surat ini dengan sembah salam untuk kakanda.

Yang benar,

(Rita)

1. Apakah hubungan antara Rina dan Rita ? Adik-beradik.
2. Apakah tujuan utama surat ini ditulis oleh Rita? Menyatakan perasaan rindu.
3. Apakah makna perkataan ***kekok*** dalam surat di atas? Canggung.
4. Pada pendapat kamu, di manakah Rina belajar ? di Universiti Mlaya.
5. Apakah usaha yang dilakukan oleh Rita untuk berjaya dalam peperiksaan?
   Menumpukan perhatian dalam pelajaran.

Minggu 13.
Tema : Memberi Pendapat (Alam Sekitar)
(3) Tajuk : Sungai Kita.
Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pencemaran sungai semakin menjadi-jadi. Sampah sarap dan sisa-sisa kilang dibuang ke dalam sungai sesuaka hati. Ini menyebabkan sungai kita menjadi kotor. Ikan-ikan mati akibat keracunan. Penduduk kampong tidak lagi dapat menggunakan air sungai akibat terlalu kotor dan berbau busuk.

Keindahan kampong dengan sungai yang mengalir lesu dan airnya yang dingin mungkin hanya tinggal kenangan.Semua ini berlaku kerana sikap segelintir masyarakat yang tidak peka dan mementingkan diri sendiri. Mereka membuang apa sahaja benda ke dalam sungai tanpa menghiraukan akibatnya.

Kita sepatutnya lebih peka dan mengambil berat tentang kebersihan sungai kita. Kempen Cintai Sungai Kita pernah dilancarkan oleh kerajaan tidak lama dahulu. Kerajaan cuba menyedarkan masyarakat kita tentang keperluan menjaga sungai-sungai kita. Sungai yang kotor boleh mendatangkan pelbagai penyakit. Apabila orang-orang di kampong menggunakan air sungai sebagai minuman dan untuk kegunaan memasak, mereka yang akan mendapat penyakit. Kita memerlukan sungai-sungai untuk tujuan pengangkutan dan sebagainya. Oleh itu, kita hendaklah menjaga kebersihan sungai-sungai kita. Jangan cemari sungai-sungai kita dengan sampah sarap dan sisa-sisa kilang.

Apabila sungai kita bersih, pemandangan di sekitar akan turut indah. Tentu kita malu apabila pelancong melihat keadaan sungai kita tercemar. Demi kebersihan dan keindahan negara kita, kita perlu bersama-sama bertanggung jawab menjaga kebersihan sungai kita.

1. Mengapakah sungai kita tercemar? (pembuangan sampag sarap dan sisa kilang)
2. Apakah yang berlaku apabila sungai kita tercemar? (kotor dan mendatangkan penyakit)
3. Apakah langkah kerajaan untuk menyedarkan masyaraklat tentang kepentingan menjaga sungai-sungai kita? (melalui kempen Cintai Sungai Kita)
4. Siapakah yang bertanggung jawab menjaga kebersihan sungai-sungai kita ? (semua masyarakat)
5. Pada pendapat anda, apakah kesan pencemaran sungai ini kepada pelancong yang dating ke negara kita? (mereka tidak dating ke negara kita)

Minggu 14
Tema : Memahami Puisi Pantun (Aktiviti di Sekolah)
(1) Kokurikulum Sekolah.
Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Mandi air tadahan kolah,
Selesai mandi pergi ke Miri;
Aktviti kokurikulum peringkat sekolah,
Pelajar perlu melibatkan diri.

Mari memetik buah mengkudu,
Bawa pulang ke pekan Dengkil;
Aktiviti mengasah bakat individu,
Yang terpendam akan tercungkil.

Keluar rumah terbit fajar,
Bawa bersama sebilah parang;
Menggalakkan persefahaman antara pelajar,
Berupaya membentuk sahsiah seseorang.

Kalau tuan membeli-belah,
Belikan saya sehelai baju;
Persatuan dan kelab sekolah,
Perlukan tenaga sebagai *peneraju*.

Teroka hutan untuk berhuma,
Berpanas berhujan berhari-hari;
Peserta memupuk semangat kerjasama,
Pikul tenggungjawap dan berdikari.

Cuba-cuba masuk peraduan,
Mungkin bertuah mendapat hadiah.
Pelbagai kaum menjalin muhibah.

1. Golongan manakah secara langsung wajar melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum sekolah? Para pelajar.*
2. Ketika manakah bakat terpendam pelajar akan terserlah setelah terlibat dalam aktiviti kokurikulum? Ketika bergiat aktif dalam sesuatu aktiviti.*
3. Bagaimanakah aktiviti kokurikulum dapat membentuk sahsiah seseorang pelajar itu? Dengan mengambil bahagian dalam permainan peringkat sekolah.*
4. Apakah maksud ***peneraju*** dalam puisi di atas ? Anggota yang aktif.*
5. Apakah sifat-sifat yang berkaitan dapat dipupuk oleh murid-murid sekolah ketika melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum? Membina semangat muhibah, menanam unsur setiakawan dan melahairkan daya kepimpinan.

Minggu 15.
(3) Tema : Menyampaikan Ucapan (Kegiatan semasa)
Tajuk : Bergotong-royong membina Surau.

Baca petikan dibawah dengan teliti. Kemudian jawaba soalan-soalan berikutnya.

Selamat pagi dan selamat kepada semua yang hadir.Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penduduk kampung kerana berkumpul di sini pada hari ini.Sebagai ketua kampung,saya berasa begitu bangga dengan kerjasama diberikan oleh,anda semua.Sebelum kerja secara bergotong-royong ini kita mulakan,izinkanlah saya menyampaikan sepatah dua kata.

Hadirn sekalian,Surau yang kita gunakan sekaran sebenarnya di bina oleh penduduk asal kampung ini sekitar tahun 60-an.Hal ini bermakana sudah lebih 40 tahun surau ini digunakan oleh penduduk kampung.Sejak akhir-akhir ini surau ini semakin uzur.Dindingnya sudah banyak yang dinmakan anai-anai.Kebocoran banyak kelihatan pada bumbungnya.

Berhubung dengan hal ini,saya dan ahli jawatankuasa kampung ini telah bermesyuarat pada bulan lepas.Kami bersepakat untuk membina surau yang lebih besar dan lebih selesa.Hal ini tidak beerti bahawa surau ingin kita sisihkan.Walau bagaimanapun,berdasarkan pertamabahan penduduk kampung ini,maka perubahan ini perlu seklai dilaksanakan.Surau lama ini akan tetap di pelihara dan digunakan sebagai tempat menyimpan barang.

Permohonan untuk mendirikan surau baru juga telah diluluskan.Bahan-bahan binaan yang agak tinggi kosnya telah disediakan oleh pihak kerajaan.Kitalah yang dipertanggungjawabkan membinanya.Pergunakanlah kemahiran bertukang yang kalian miliki.Jadi sebab itulah kita berkumpul disini.

Sebelum kerja ini kita mulakan,saya ingin berpesan,amalkanlah sikap bantu-membantu dan bertolak ansur semasa bekerja.Berpenganglah pada peribahasa ,bulat air kerana pembetung,bulat kata kerana muafakat.Mudah-mudahan yang berat menjadi ringan,yang susah menjadi senang.Sekian saja ucapan saya.Terima kasih.

1. Siapakah yang menyampaikan ucapan di atas? Ketua Kampung.
2. Apakah tujuan penduduk kampong berhimpun? Bergotong-royong membina surau baru.
3. Mengapakah orang kampung digesa membina surau itu secara bergotong royong? Tiada peruntukan kewangan untuk mengupah orang lain untuk membina surau itu.
4. Apakah peribahasa yang sesuai bagi menggambarkan sikap penduduk kampung tersebut? Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
5. Siapakah yang menyumbangkan peralatan untuk membina surau itu? Kerajaan.

Minggu 16.
Tema : Memahami Peta (Penempatan)
(2) Pekan Seri.

Teliti peta lakar di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.



1. Apakah pekerjaan utama penduduk di sekitar Kampung Nyiur ?
   Penoreh Getah.*
2. Apakah kemudahan asas yang terdapat dalam peta? Balai polis, Pejabat pos, daqn sekolah.
3. Mengapakah jalan kereta api di bina? Untuk menjadi pengangkutan utama penduduk Pekan Seri.
4. Mengapakah pola petempatan dalam peta di atas bertumpu di Pekan Seri ? kerana pekan tersebut menawarkan peluang pekerjaan yang banyak kepada penduduk setempat.
5. Apakah ugama oleh kebanyakan penduduk di Pekan Seri ? Islam.

Minggu 17.
Tema : Memahami Dialog (Pertukangan)
(2) Terompah.

Baca dialog di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan berikutnya.

Devi : Nora, awak sedang buat apa?

Nora : Eh, Devi rupanya! Duduklah. Saya sedang membuat terompah daripada tempurung kelapa.

Devi : Takkan awak dah lupa. Cikgu Rosli yang menyuruh saya membuatnya untuk digunakan dalam sukaneka di sekolah kita pada hari Sabtu ni.

Nota : Oh, ya! Bsru dsys teringat. Kalau begitu, tunjukkan caranya kepada saya.

Devi : Lebih dahulu, sediakan dua utas tali, dua kerat kayu, dan sepasang tempurung kelapa. Kemudian, buat lubang di tengah-tengah tempurung kelapa dan tarik ke atas. Akhir sekali, di atas bahagian tali yang ditarik tadi, ikat hujungnya dengan kayu untuk dijadikan pemegang.

Nota : Senang saja caranya. Bagaimana terompah ini dimainkan?

Devi : Kita berdiri di atas tempurung sambil memegang pemegang inilah. Kita juga dilarang memijak tanah semasa perlawanan dijalankan.

Nota : Eh, dah siap pun terompah ini!

Devi : Terima kasih Devi kerana menolong saya membuat terompah-terompah ini.

Puan Aina : Nora, Devi, marilah minum dulu.

Nota : Wah, langkah kananlah saya hari ini!

1. Apakah perkara utama yang dibualkan oleh Nora dan Devi? Cara membuat terompah.
2. Di manakah perbualan itu berlangsung ? Di belakang rumah Nora.
3. Bagaimanakah sikap Devi? Ringana tangan.
4. Mengapakah Devi mengakakan langkah kanan? Dia dijamu dengan minuman pada masa yang sesuai.
5. Apakah tujuan Nora membuat terompah ? Sukaneka.

Minggu 18
Tema : Memahami Iklan (Seni dan Budaya)
(3) Tajuk : Teater Mek Mulong.
Baca dengan teliti iklan di bawah. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Dewan Filharmonik PETRONAS mempersembahkan

CAHAYA BULAN

Teater Tradisional Mek Mulong
oleh Kumpulan Seni Persembahan PETRONAS.
16 & 17 Februari
Sabtu & Ahad pada 8.30 malam.
RM10 – RM20-RM30-RM35

Aras 2 – Menara 2
Menara Kembar PETRONAS
Kuala Lumpur City Center
50088 Kuala Lumpur
www.dfpmpo.com

Teater tradisional Mek Mulong, yang berusia lebih 400 tahun kembali dipersembahkan oleh kumpulan Seni Persembahan PETRONAS.
Persembahan Mek Mulong 'Cahaya Bulan' yang dibawa khas dari Utara, diserikan dengan ***alunan*** muzik serunai, paluan rebana, dan gong serta suara mendayu para pemain.
Alamilah keiandahan persembahan unik oleh Kumpulan Seni Persembahan PETRONAS, hanya di Dewan Filharmonik PETRONAS.

Untuk tempahan tiket,
Sila hubungi Box Office.
Tel: 03-20517007 / Faks : 03-20517077
E-mel: dif_boxoffice@petronas.com.my

Pakaian : KEMAS
Seluar jeans, seluar pendek, kemeja-T, dan selipar tidak dibenarkan sama sekali.

1. Berapakah harga tiket untuk menyaksikan teater tradisional ini? RM10 – RM20 – RM30 – RM35.
2. Siapakah yang mempersembahkan teater tradisional Mek Mulong?Kumpulan Seni Persembahan PETRONAS.
3. Apakah makna ***alunan*** dalam iklan? Irama.
4. Apakah tajuk Teater tradisional Mek Mulong? Cahaya Bulan.
5. Di manakah tiket untuk menyaksikan teater itu boleh dibeli? Menara Kembar Petronas.

Minggu 19.
Tema : Memahami catatan (Pelancongan)
(1) Melawat Ke Kucing, Sarawak.

Baca catatan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

AHAD, 26 JUN 2005
Bertolak dari KLIA ke Kuching dengan menaiki pesawat MAS MH 1043. Hari ini merupakan hari yang bersejarah dalam hidupku kerana pertama kali menaiki kapal terbang. Pukul 11.30 pagi, kira-kira dua jam kemudian, aku selamat mendarat di Lapangan Terbang Kuching. Oh, alangkah indahnya Bumi Kenyalang!

ISNIN, 27 JUN 2005
Malam tadi menginap di rumah Saniah, sahabat penaku di Petra Jaya. Pagi, Saniah menemaniku berjalan-jalan di Bandar Kuching. Kami menaiki bas melalui Jambatan Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub. Kemudian, kami menaiki perahu penambang menyeberangi Sungai Sarawak. Naik **gentar** aku kerana pelbagai gambaran tentang Bujang Senang bermain di benakku. Kami melawat Fort Margherita.

SELASA, 28 JUN 2005
Baru kuketahui Saniah mempunyai saudara kembar, Sani namanya. Dia malu-malu denganku. Sani ada hati untuk belajar di Semenanjung.

RABU, 29 JUN 2005
Bersama-sama Saniah dan Sani, kami melawat Muzium Sarawak. Amboi, banyaknya barang purba yang dipamerkan!

KHAMIS, 30 JUN 2005
Melawat pameran buku di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, di Jalan Tun Abang Haji Openg. Banyak buku dan majalah yang dipamerkan. Malam, bersama dengan keluarga Saniah, aku makan ikan terubuk bakar di Batu Lintang. Alangkah enaknya!

JUMAAT, 1 JULAI 2005
Hari ini tidak ke mana-mana. Bapa Saniah membeli dua kilogram telur ikan terubuk.

SABTU, 2 JULAI 2005
Petang, bapa Saniah membawa aku, Saniah, dan Sani ke Tasik Biru di Bau. Pada masa dahulu, tasik ini merupakan kawasan perlombongan emas.Waktu balik, kami singgah sebentar di Kilometer 8 untuk membeli pasu Sarawak.

AHAD, 3 JULAI 2005
Pukul 5.00 petang, aku berada di Lapangan Terbang Kuching. Aku berangkat pulang ke Kuala Lumpur dengan pesawat MAS MH 1021. Selamat tinggal Bumi Kenyalang.

1. Pukul berapakah penulis berlepas ke Kuching? 9.30 pagi*
2. Apakah ole-ole yang dibawa oleh penulis dari Sarawak? Pasu Sarawak*
3. Di manakah tempat yang dilawati oleh penulis tanpa Sani? Bandar Kuching*
4. Di manakah penulis menmginap ketika membuat lawatan ke Sarawak tersebut?
   Dia menginap di rumah Sani.
5. Apakah maksud perkataan ***gentar*** dalam petikan di atas ? Takut*

Minggu 20.
Tema : Memamahi Cerita pendek (Kemesyarakatan)
(1) Tajuk : Isma dan Datuknya.

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Sejak kematian ayah dan ibunya dalam kemalangan setahun yang lepas, Isma tinggal bersana-sama datuknya, Pak Leman. Pak Leman hanya berkerja sebagai penjual sayur di pasar untuk menyara hidup mereka. Hidup mereka ala kadar terutama setelah kematian isteri Pak Leman, iaitu nenek Isma. Isma turut membantu datuknya berjual sayur di pasar. Pada hari cuti dan kebetulan datuknya tidak berniaga, Isma keluar bersama-sama rakan yang rata-rata lebih tua daripadanya. Hal ini kerana Isma berasa dirinya lebih selamat dan dilindungi apabila bersama-sama mereka.

Sejak kematian ayah dan ibunya, pelajaran Isma turut merosot. Ketika dalam Tahun Empat, dia dikenali sebagai murid yang rajin dan bijak. Tetapi ketika dalam Tahun Lima, pelajarannya kian merosot. Hal ini mula dirasai oleh rakan-rakannya yang selama ini mengagumi kepintarannya. Walau bagaimanapun, guru-guru memahami masalah Isma ini adalah disebabkan oleh kehilangan kedua-dua ibu bapanya.

Walaupun Pak Leman hanya datuk Isma, namun dia tidak pernah melupakan tanggungjawab sebagai penjaga. Pak Lemanlah yang menjadi tempat Isma mengadu dan memperoleh kasih sayang. Pak Leman selalu menasihati Isma supaya tidak sekali-kali mengambil hak orang lain. Pernah suatu hari Pak Leman menegur Isma kerana mengambil kucing milik Murni. Pak Leman menasihatinya supaya berusaha sendiri jika ingin mendapatkan sesuatu dan bukannya dengan cara mencuri. Selepas Pak Leman menegurnya, Isma merajuk lalu membawa dirinya entah ke mana-mana. Puas Pak Leman mencari. Rupa-rupanya Isma bersembunyi di pondok di kebunnya. Setelah dipujuk berkali-kali barulah Isma ingin pulang. Sejak hari itu, Pak Leman berhati-hati apabila menegur Isma. Perasaan Isma mesti dijaga kerana hatinya mudah terguris sejak kematian ayah dan ibunya.

1. Mengapakah Isma bersembunyi di pondok kebun neneknya? Merajuk.
2. Apakah nasihat Pak Leman kepada Isma? Tidak mengambil hak orang lain.
3. Apakah yang terjadi ke atas ibu bapa Isma? Meninggal akibat kemalangan.
4. Apakah nilai murni yang terdapat dalam cerita di atas? Tidak mengambil hak orang lain.
5. Apakah yang kamu faham tenatang watak Pak Leman ? Seorang yang bertanggung jawab.

Minggu 21.
Tema : Memahami Berita (Pendidikan)
(1) Tajuk : Pelajaran Matematik.

Baca petikan berita di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan berikutnya.

KUALA LUMPUR, 15 November – Kementerian Pendidikan sedang menyusun program komputer bagi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Matematik supaya lebih mudah dan seronok untuk dipelajari oleh pelajar-pelajar.

Program ini juga diajar untuk mengatasi fobia mengatasi pelajaran tersebut di kalangan pelajar, terutamanya pelajar di luar bandar. Hal itu berdasarkan kajian bahawa pelajar di luar bandar beranggapan bahawa mata pelajaran Matematik begitu susah untuk dikuasai. Kesukaran ini menyebabkan mereka kurang minat akan mata pelajaran ini.

Menteri pendidikan, Dato' seri Najib Tun Razak berkata, tumpuan perlu diberikan kepada cara pengajaran Matematik supaya lebih menyeronokkan dan merangsang pemikiran pelajar.

"Oleh yang demikian, mata pelajaran ini telah dipilih sebagai salah satu pelajaran yang akan diajar menggunakan komputer. Kini perisiannya yang berasakan kurikulum kebangsaan sedang disediakan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Pemodalan Nasional Berhad (PNB) dan Rampai Semasa Sdn. Bhd. dalam pelancaran majalah "Along" di sini hari ini. Tambah beliau, cara pengajaran yang menyeronokkan dan tidak membosankan akan membuat para pelajar, terutamanya di luar bandar lebih meminati dan mengunakan MAtematik dalam kehidupan mereka sehari-hari.

1. Apakah yang sedang disusun oleh Kementerian Pendidikan?
   Program komputer untuk pengajaran Matematik
2. Mengapakah Kementerian Pendidikan menyusun program ini?
   Supaya dapat menatasi masalah pembelajaran Matematik di luar bandar.
3. Tumpuan yang diberikan dalam program ini ialah
   belajar dengan lebih seronok.
4. Apakah nama majalah yang dilancarkan oleh Menteri Pendidikan?
   Majalah "Along".
5. Siapakah yang menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara permodalan Nasional Berhad dengan Rampai Semasa Sdn. Bhd.? Menteri Pendidikan

Minggu 22.
Tema : Memahami Graf (Ekonomi)
(2) Tajuk : Eksport Malaysia tahun 1992 dan 1993.



1. Apakah eksporat yang terbanyak dari tahun 1992 hingga 1993? Petroleum.
2. Apakah barangan yang bukan merupakan barangan ***eksporat*** oleh Malaysia? Padi.
3. Berapakah perbezaan eksport petroleum antara tahun 1992 dengan 1993? 5%.
4. Apakah barangan yang meningkat eksportnya bagi tahun 1993? Petroleum.
5. Apakah yang anda faham dengan maksud eksport ? Menjual barangan tempatan ke luar negara.

Minggu 23.
Tema : Memahami Teks Rencana (flora dan fauna).
(2) Tajuk : Kepupusan Hidupan Liar.
Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Banyak hidupan liar di nagara kita diancam kepupusan kerana aktiviti manusia yang telah memusnahkan habitat asal haiwan tersebut. Antara haiwan-haiwan yang diancam kepupusan itu ialah badak, gajah, dan penyu. Harimau Indocina turut mengalami masalah kepupusan.

Di Malaysia, bilangan harimau Indocina dianggarkan berjumlah 500 ekor. Jumlah ini semakin berkurangan akibat tindakan manusia menembak harimau selepas haiwan tersebut mencederakan atau membunuh manusia serta haiwan peliharaan.

Pada tahun 1950-an, banyak hutan telah diterokai untuk memberi laluan kepada proses pembangunan. Berikutan pembukaan tanah tersebut, saiz hutan semakin mengecil hingga menyebabakan tiada ruang untuk harimau bergerak bebas untuk mencari makanan. Oleh sebab itu, harimau terpaksa keluar ke kawasan penempatan manusia untuk mendapatkan makanan. Kalau dahulu babi hutan, rusa, dan kancil diburu, tetapi kini harimau telah menyerang haiwan peliharaan.

Bermula pada tahun 1995, kerajaan telah mengeluarkan lessen untuk memburu harimau tersebut. Bagaimanapun pada tahun 1976, haiwan ini diberi status sebagai haiwan yang dilindungi sepenuhnya dan sebarang pemburuan haiwan tersebut adalah dilarang.

Harimau diburu kerana hamper keseluruhan anggota badan haiwan tersebut sangat berguna dalam bidang perubatan tradisional Cina. Jadi, tidak hairanlah Korea Selatan mengimport 9,000 kilogram tulang harimau untuk tujuan perubatan.

Pihak Tabung hidupan Liar Sedunia Malaysia (WWF) menyedari akan kepentingan mengekalkan harimau tersebut. Justeru itu, pihak WWF telah memilih kawasan hutan simpan Jerangau Barat di Dungun sebagai lokasi pemuliharaan harimau tersebut.

Selain itu, penduduk kampung juga diberi didikan supaya mereka memahami tabiat haiwan tersebut. Mereka diajar supaya tidak bertindak terburu-buru menembak harimau berkenaan hanya semata-mata haiwan ternakan mereka dibaham ***haiwan karnivor*** berkenaan.

Walaupun tindakan haiwan tersebut sukar diterima oleh penduduk kampung, namun dalam jangka masa panjang mereka akan memahami kepentingan mengekalkan harimau sebagai suatu aset berguna untuk generasi akan datang.

1. Mengapakah hidupan liar di negara kita diancam kepupusan ? (manusia memusnahkan habitatnya)
2. Mengapakah hutan negara kita diterukai ? (Tujuan pembangunan)
3. Apakah yang dimaksudkan dengan ***haiwan karnivor***?
   (haiwan makan daging dan tumbuhan)
4. Bagaimanakah Tabung Hidupan Liar Sedunia Malaysia (WWF) mengekalkan harimau Indocina daripada kepupusan ? (mewujudkan kawasan perlindungan haiwan itu di Jerangau Barat di Dungun Trengganu)

Minggu 24.
Tema : Menyampaikan syarahan (Kesihatan)
(1) Tajuk : Bahaya Merokok Terhadap Kesihatan.

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Yang dihormati, Tuan Pengerusi Majlis, yang berusaha Tuan Guru Besar,Barisan panel hakim yang arif lagi bijaksana, serta guru-guru serta rakan-rakan Sekalian. Selamat sejahtera saya ucapkan. Pada hari ini saya akan menyampaikan sebuah syarahan yang bertajuk "Bahaya Merokok Terhadap Kesihatan".

Rokok berasal daripada daun tembakau yang digulung dan dihisap untuk menikmati rasanya yang tersendiri sehingga menyababkan ketagihan. Namun begitu, merokok amat menjejaskan kesihatan kerana paru-paru si perokok rosak akibat bahan nikotin yang berlebihan.

Sidang hadirin yang dimuliakan,

Kajian perubatan telah menunjukkan bahawa perokok berisiko tinggi untuk mendapat penyakit kronik seperti kanser paru-paru, kanser mulut, ulser perut, masalah saluran pernafasan, asma, dan tekanan darah tinggi. Meraka terpaksa mengeluarkan kos perubatan yang tinggi untuk merawat penyakit ini. Selain itu, orang yang menghidu asap rokok juga berisiko tinggi menghidapi penyakit. Mereka biasanya terdiri daripada kaum keluarga dan kenalan rapat, malah golongan kanak-kanak lebih mudah menerima kesannya.

Baruy-baru ini, Perdana Menteri kita, Datuk Seri Abdullah Badawi telah melancarkan Kempen "Tak Nak Merokok" yang difokuskan kepada golongan remaja. Golongan remaja lebih cenderung merokok kerana mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya dan seterusnya melibatkan diri ke kancah penagihan ganja dan dadah. Justeru, kempen ini bertujuan membendung gejala sosial menggugat kestabilan negara.

Kesimpulannya, marilah kita bersama-sama menyatakan "tidak" kepada rokok yang lebih mendatangkan kesan buruk kepada diri dan masyarakat. Sekian, terima kasih.

1. Mengapakan rokok boleh menjejaskan kesihatan? Kerana perokok mudah mendapat penyakit kronik.
2. Apakah bahan bahaya yang terdapat dalam kandungan rokok? Nikotin.
3. Apakah tujuan kempen "Tak Nak Merokok ?" Memberi kesedaran kepada golongan remaja yang tidak merokok.
4. Bagaimanakah cara membantu perokok berhenti merokok? Menggalakkan bersenam, mengunyah gula-gula, dan memberi kesedaran tentang keburukan merokok.
5. Apakah kemungkinan penyakit yang disebabkan oleh kesan merokok? Kanser paru-paru, kanser mulut dan ulser perut.

Minggu 25.
Tema : Menyampaikan Hujah (Persekitaran Murid)
(1) Tajuk : Kebaikan dan keburukan internet.

Baca petikan dibawah ini,kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Puan Guru Besar, para hakim yang adil, barisan pembangkang, guru-guru, dan rakan sekalian. selamat sejahtera saya ucapkan.

Pada zaman yang serba canggih ini. kita banyak menggunakkan peralatan hasil kemajuan sains dan teknologi termasuklah internet. Oleh sebab itu, kami bersepakat menyokong tajuk perbahasan pada pagi ini, iaitu "Internet Lebih Banyak mendatangkan kebaikan daripada keburukkan."

Hadirin yang saya hormati,

Internet adalah salah satu perisian dan talian komunikasi yang disalurkan menerusi komputer. Dalam era yang serba moden ini, internet telah digunakan dengan meluas dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan dan perindustrian. Melalui internet juga, pendidikan maya tanpa institusi sekolah dapat dijayakan. Kemudahan e-melnya juga membolehkan kita berkomunikasi dengan lebih cepat dan mudah.

Internet juga digelar sebagai gedung ilmu elektronik kerana menyediakan kemudahan maklumat yang tidak terbatas untuk pengunaannya. Selain itu, pendidikan jarak jauh yang dulunya mengunakkan pos akan menjadi semakin mudah melalui internet.

Hadirin sekalian,

Kemudahan internet juga boleh dilayari oleh setiap lapisan masyarakat. Internet juga meliputi bidang profesional dan tidak profesional. Arus pemodenan yang semakin meningkat dalam sektor elektronik memungkinkan semua urusan menggunakkan kemudahan internet. Namun begitu pengawasan daripada ibu bapa adalah penting agar anak-anak tidak melayari laman-laman web yang tidak berfaedah.

Nampaknya masa amat mencemburui saya, semoga kita semua dapat meneliti dan menilai akan kebenaran hujah yang saya sampaikan itu, sekian, terima kasih.

1. Siapakah yang menyampaikan hujah di atas? Pasukan pencadang.
2. Apakah kepentingan internet yang paling utama kepada pelajar? Dapat pengetahuan yang meluas.
3. Bagaiamanakah pendidikan maya yang dinyatakan dalam petikan di atas? Pelajar tidak perlu menghadiri kelas.
4. Mengapakah internet sesuai untuk semua lapisan? Pelbagai ilmu dapat diperoleh.
5. Apakah salah satu keburukan internet kepada kita? Menggalakkan manusia membazir.

Minggu 26.
Tema : Memahami puisi (Pantun Nasihat)
(2) Tajuk : Budi.

Baca puisi di bawah dengan telili. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Wahai sekalian handai dan taulan,
Izinkan saya berpesan,
Nilai budi tiada tandingan,
Jagalah ia jangan diabaikan.

Walaupun berlian cuba ditaburi,
Budi yang baik tetap disanjungi,
Semua golongan akan menghormati,
Jasa dikenang, kekal abadi.

Jikalau kita tidak berbudi,
Semua orang tidak gemari,
Kalau dilihat kita dijauhi,
Kehidupan kita selalu dikeji.

Walau si miskin atau yang mewah,
Banyakkan budi jangan mengalah,
Hancur badan di kandung tanah,
Budi yang baik patut dimegah.

Berterusanlah kita berbuat budi,
Nescaya kehidupan tidak rugi,
Dengarlah wahai tuan *bestari,*
Setiap insan akan memuji.

1. Apakah pesan penulis di dalam puisi atas?

   Hendaklah kita sentiasa berbudi.*
2. Tinggi manakah nilainya budi? Tiada taranya.*
3. Apakah maksud "Hancur badan di kandung tanah." Meninggal dunia.*
4. Apakah kesannya jika kita berbudi? Kita selalu dikenang orang.
5. Apakah maksud perkataan "*bestari*" dalam puisi? Bijak.*

Minggu 27.
Tema : Memahami surat Kiriman Rasmi (Perniagaan)
(2) Tajuk : Memesan Buku Majalah.

Baca teks surat di bawah dengan teliti. Kemudian jawab semua soalan berikut.

No. 24, Lorong Dua,
Rumah Perumahan Awam, Padang Besar,
02100 Perlis. Tel. 04-9492217

Tuan Pengurus,
Syarikat Penerbitan Wanie,
52000 Kuala Lumpur. 18hb. Mei 2001.

Tuan,

Memesan Majalah

Merujuk perkara di atas, saya ingin memesan beberapa buah majalah dari syarikat tuan.
2. Saya tertarik dengan iklan tentang jualan majalah dari syarikat tuan yang disiarkan dalam surat khabar Berita Merdeka yang bertarikh 15 Mei 2001 yang lalu.
3. Antara majalah yang ingin saya pesan ialah :
(a) Adik (RM2.00 X 2 buah = RM4.00)
(b) Tunas (RM1.50 X 2 buah = RM3.00)
(c) Mari Belajar (RM2.00 X 3 buah = RM6.00)
(d) Pelita Budiman (RM2.00 X 3 buah = RM6.00)
4. Bersama-sama ini saya sertakan kiriman wang pos benombor 1714351 yang bernilai sembilan belas ronggit.
5. Saya berbesar hati sekiranya pihak tuan dapat menghantarkan majalah-majalah tersebut kepada saya dengan kadar yang segera.
6. Kerjasama serta perhatian daripada pihak tuan saya ucapkan ribuan terima kasih.
Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(MOHD. ZAMANI BIN BACHIK)

Minggu 28.
Tema : Memahami Data (Flora dan Fauna)
(1) Tajuk : Perbandingan Keluasan Hutan.
Fahami Carta Pai di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya.

Perbandinagan Keluasan Hutan.



1. Apakah tajuk yang paling sesuai bagi Carta Pai di atas? Peratusan Hutan Mengikut Keluasan Negara.*
2. Antara negara yang berikut, negara manakah masih mempunyai kawasan hutan yang luas ? Malaysia.*
3. Apakah rumusan Carta Pai di atas? Kita dapat merumuskan bahawa kawasan tadahan semula jadi di negara-negara lain lebih kecil berbanding dengan Malaysia.*
4. Pada pendapat anda, mengapakah kawasan hutan di empat buah negara lain adalah kecil berbanding Malaysia? Kerana penebangan hutan dilakukan semata-mata untuk pembangunan dan kemajuan negara.*.
5. Apakah perbezaan keluasan hutan di Malaysia berbanding dengan keluasan hutan di Amerika Syarikat ?. Kawasan hutan di Malaysia adalah 38% lebih luas daripada keluasan hutan di Amerika Syarikat.

Minggu 29
Tema : Menymapaikan Ucapan (Penyakit)
(1) Tajuk : Penyakit Taun.

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Yang saya muliakan,Encik Hamid Ahmad,iaitu ketua kampung Senduduk,ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Senduduk dan para hadirin yang dihormati.

Sebagaimanapun yang kita sedia maklum, penyakit taun merupakan sejenis penyakit yang amat mudah berjangkit dan merbahaya. Penyakit taun disebabkan oleh kuman ***vibro cholerae*** akibat sistem pembuangan najis yang kita baik,bekalan air bersih yang tidak mencukupi dan penjagaan kebersihan diri yang tidak dititikberatkan.

Hadirin yang dikasihi,

Penyakit taun ini boleh membawa maut sekiranya tidak dirawat dengan cepat. Ini kerana, pemghidap mengalami kekurangan air didalam badan. Tanda-tanda penyakit taun ini ialah serangan cirit-birit secara tiba-tiba dan berpanjangan.Pesakit akan berasa dahaga,lidah kering,dan mata menjadi cengkung. Oleh sebab itu,pesakit taun perlu mendapat rawatan dengan segera.Mereka hendaklah minum air dengan segera.Mereka hendaklah minum air dengan banyak sebelum dirawat.Pembawa taun pula merupakan mereka yang mempunyai kaum ini dalam saluran makananya tetapi tidak dapat dikesan.Kuman ini dikeluarkan melalui najisnya dan menjangkiti orang lain.

Sekian, terima kasih.

1. Apakah tanda-tanda pengidap pentakit taun? Cirit-birit yang berpanjangan.
2. Bagaimanakah keadaan seseorang yang menjadi pembawa penyakit taun? Tidak menunjukkan tanda-tanda sakit tetapi menyebarkan penyakit kepada orang lain.
3. Bagaimakakah cara kuman taun merebak? Kuman taun dari najis dan dibawa oleh lalat.
4. Bagaimanakah pesakit taun akan menghadapi maut? Kejang otot, lidah kering, dan mata cengkung kerana kekurangan air dalam badan.
5. Apakah yang patut dibuat sebelum seseorang pesakit taun diberi rawatan? Diberi minum air yang banyak.

Minggu 30.
Tema : Petempatan.
(3) Tajuk : Peta Lakaran Bandar Sri Wangsa.
Perhatikan dan fahami peta petempatan di bawah. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.



1. Apakah tempat yang terkenal dengan tempat beristirehat? Gunung Sri Wangsa.
2. Apakah pekerjaan kebanyakan penduduk di bandar ini? Pelancongan dan perindustrian.
3. Mengapakah Taman Perumahan Sri Suria sesuai dijadikan tempat tinggal ? Berhampiran dengan kawasan beristiherat.
4. Apakah kegiatan yang boleh dilakukan di sekitar tasik? Bersenam, berjoging dan menunggang basikal.

Pada pendapat kamu, apakah keistemewaan Gunung Sri Wangsa Isma dan Datuknya.

5. ? Sesuai dijadikan tempat istirehat.